

1984

KUALA LUMPUR, 29 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PROSPEK BAGI TEMPOH 1984-85 MENUNJUKKAN BAHAWA NEGARA AKAN MENCAPAI PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MENGGALAKKAN IAITU 6.7 PERATUS. KATANYA KADAR PERTUMBUHAN ITU ADALAH LEBIH TINGGI DARIPADA YANG DIRAMALKAN SEMASA BELANJAWAN TAHUN INI DIBENTANGKAN DI PARLIMEN OKTOBER LALU IALTU PADA KADAR ENAM PERATUS.

PERDANA MENTERI BERKATA RAMALAN ITU DIBUAT SETELAH MENGAMBILKIRA PERKEMBANGAN-PERKEMBANGAN TERBARU DAN JUGA BERDASARKAN PERTUMBUHAN ANTARATIGA HINGGA 3.5 PERATUS BAGI NEGARA-NEGARA PERINDUSTRIAN.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA MEMBENTANGKAN KAJIAN SEPARUH PENGAL RANCANGAN 'MALAYSIA KEEMPAT (RME) OF DEWAN RAKYAT HARIINI • DARI SEGI KELUARAN, KATANYA, SEKTOR PERTANIAN, PERLOMBONGAN DAN PEMBUATAN AKAN MENJADI BERTAMBAHBAIK HANAKALA SEKTOR-SEKTOR LAIN PULAAKAN BERKEMBANG DENGAN SEDERHANA.

BAGI SEKTOR PERTANIAN, PERKEMBANGAN KELUARAN AKAN BERGANTUNG KEPADA KELAPA SAWIT, MANAKALA SEKTOR PERLOMBONGAN PULA SUMBER PERTUMBUHAN ADALAH DARIPADA GAS ASLI, KATANYA.

DATUK SERI OR MAHATHIR SERKATA PERANAN- SEKTOR AWAM DALAM PERTUMBUHAN EKONOMI BAGI DUA TAHUN KE HAOAPAN AKAN DIKURANGKAN MEMANDANGKAN BAHAWA PENGLIBATAN KERAJAAN PADA MASA INI TERLALU LUAS.

BAGI TEMPOH 1981-83, KATANYA, PERBELANJAAN SEKTOR AWAM KEPADA JUMLAH PERBELANJAAN NEGARA TELAH MENCAPAI 33.4 PERATUS.

DI SAMPING ITU KERAJAAN JUGA PERLU MENYUSUN SEMULA PERANANNYA BAGI MEMPERBAIKI JURANG ANTARA SUMBER KEWANGAN OENGAN PERBELANJAAN.

SELARAS DENGAN ITU PERBELANJAAN PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM BAGI TEMPOH 1984-85 ADALAH BERJUMLAH \$19,200 JUTA IAITU SECARA PURATA TAHUNAN 29 PERATUS LEBIH RENDAH DARIPADA YANG DIBELANJAKAN DALAM TEMPOH 1981-83.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA, USAHA MENGURANGKAN PERBELANJAAN TELAH DIJALANKAN DENGAN BERHATI-HATI BAGI MEMASTIKAN PERTUMBUHAN YANG BERTERUSAN DALAM JANGKA PANJANG SERTA MENGELAKKAN KESAN YANG TIDAK DIINGINI KE ATAS PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN KHUSUSNYA YANG MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PENCAPAIAN DASAR EKONOMI BARU.

-- LAGI 1621/LK

ZCZC 8607

MAHATHIR-PROSPEK 3 KUALA LUMPUR

DARIPADA JUMLAH • 19,200 ITU SUMBANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN IALAH \$15,400 JUTA YANG \$3,065 JUTA DARIPADANYA ATAU 29.9 PERATUS ADALAH BAGI PROJEK-PROJEK PERTANIAN DAN PENBANGUNAN LUAR-BANDAR.

SEJUMLAH \$1,399 JUTA ATAU 9.1 PERATUS BAGI PERLOMBONGAN DAN PERINDUSTRIAN, \$3,732 JUTA ATAU 24.1 PERATUS BAGI PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN DAN \$2,081 JUTA ATAU 13.5 PERATUS BAGI KEMUDAHAN AWAM DAN TENAGA.

DATUK SERI OR MAHATHIR SERKATA SEKTOR-SEKTOR SOSIAL DAN KESELAMATAN PULA Masing-masing DIPERUNTUKKAN SEBANYAK \$2,787 JUTA ATAU 18.1 PERATUS DAN \$2,007 JUTA ATAU 13 PERATUS DARIPADA PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

PERTUMBUHAN EKONOMI DI MASA HADAPAN SEBAHAGIAN BESARNYA AKAN BERGANTUNG KEPADA KEGIATAN SEKTOR SWASTA, KATA BELIAU.

MENURUTNYA PELABURAN DALAM SEKTOR EERKENAAN DIJANGKA BERKEMBANG PAOA KADAR 11.5 PERATUS SETAHUN IAITU SEBANYAK \$3,219 JUTA BAGI TEMPOH 1984-85.

-- LAGI 1626/LK

MAHATHIR-PROSPEK 4 KUALA LUMPUR

DENGAN PERKEMBANGAN ITU SEKTOR SWASTA AKAN MENYUMBANGKAN KIRA-KIRA 67 PERATUS DARIPADA JUMLAH TAMBAHAN PELABURAN NEGARA BERANDING DENGAN 60 PERATUS BAGI TEMPOH 1981-83.

DATUK SERI D R MAHATHIR BERKATA STRATEGI UTAMA BAGI PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA YANG LEBIH BESAR IALAH MELALUI DASAR PENSWASTAAN.

KATANYA STRATEGI ITU JUGA AKAN MENJAMIN KEWANGAN KERAJAAN DIKURANGKAN DAN PADA MASA YANG SAMA MUTU PERKHIDMATAN DIPERTINGKATKAN.

BAGAIMANAPUN BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENSWASTAAN AKAN DILAKSANAKAN SEJAJAR DENGAN DASAR EKONOMI BARU.

"MELAKH SAYA PERCAYA STRATEGI INI AKAN MENAMBAHKAN LAGI PELUANG BUMIPUTERA DARI SEGI HAK MILIK, PEKERJAAN DAN PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN," KATANYA.

BELIAU JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA PENDAPATAN KAKITANGAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN YANG AKAN DISWASTAKANA TIDAK AKAN TERJEJAS KERANA PENSWASTAAN.